

## **Sumbangan Muhammad Basiuni Imran (m.1974) dalam Pendidikan di Kalimantan Barat, Indonesia**

*Contribution of Muhammad Basiuni Imran to Education in West Kalimantan, Indonesia*

Norahida Mohamed<sup>1</sup>

### **ABSTRAK**

*Pendidikan merupakan aspek terpenting dalam pembinaan peradaban Islam. Oleh sebab itu, terdapat ramai cendekiawan Islam yang mengemukakan pemikiran bagi penambahbaikan dan pemerksasaan dalam bidang pendidikan. Di Alam Melayu, salah seorang tokoh yang memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti pendidikan ialah Muhammad Basiuni Imran. Beliau merupakan ulama yang menjawat jawatan sebagai Maharaja Imam semasa pemerintahan Kesultanan Sambas yang terletak di Kalimantan Barat. Pada masa itu, institusi pendidikan di Sambas dijalankan di rumah guru, surau atau masjid dan istana. Apabila Muhammad Basiuni Imran dilantik sebagai Maharaja Imam, beliau telah melaksanakan pelbagai reformasi termasuklah dalam bidang pendidikan. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti latar belakang kehidupan dan pendidikan Muhammad Basiuni Imran serta pemikiran dan pendekatan beliau dalam melaksanakan pembinaan dan pembaharuan dalam pendidikan khususnya di Sambas, Kalimantan Barat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Data-data dikumpul melalui dokumen, temu bual dan pemerhatian. Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan analisis tematik bagi meneliti pemikiran dan pendekatan islah dan pembaharuan Muhammad Basiuni Imran dalam pendidikan. Hasil kajian menunjukkan bahawa beliau telah mengemukakan pemikiran berkaitan ciri-ciri yang perlu ada pada setiap pendidik. Pendekatan beliau dalam mengislahkan pendidikan di Sambas adalah melalui penubuhan madrasah Sulthaniyah dan Tarbiyatul Islam yang menerapkan kurikulum melalui pengintegrasian ilmu naqli dan aqli. Di samping itu, beliau juga melaksanakan pengajian agama secara tidak formal melalui Majlis Tashwir kepada masyarakat di Sambas, Kalimantan Barat, Indonesia.*

**Kata kunci:** Muhammad Basiuni Imran, Islah Pendidikan, Kesultanan Sambas

### **ABSTRAK**

*Education is a cornerstone of Islamic civilisation, fostering intellectual and moral development. Throughout history, numerous Islamic scholars have proposed significant ideas to advance education. In the Malay Archipelago, Muhammad Basiuni Imran stands out as a prominent figure who contributed substantially to improving educational quality. Serving as Maharaja Imam during the Sambas Sultanate in West Kalimantan, he initiated numerous reforms in education, which, at the time, took place in teachers' homes, mosques, and royal palaces. This study examines the background, life, and educational contributions of Muhammad Basiuni Imran, with a particular focus on his thoughts and strategies for educational reform in Sambas, West Kalimantan. Employing a qualitative methodology and content analysis design, the research draws on data from documents, interviews, and observations. Thematic analysis was used to explore his ideas and approaches. The findings reveal that Muhammad Basiuni Imran emphasised essential characteristics for educators and introduced innovative educational models. He established Madrasah Sulthaniyah and Tarbiyatul Islam, institutions that integrated 'aqli (intellectual) and naqli (revealed) knowledge. Furthermore, he conducted informal religious studies through Majlis Tashwir,*

---

<sup>1</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, km 8 Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang. norahida@unipsas.edu.my

*fostering community engagement in Sambas. These efforts highlight his key role in  
the advancement of education in West Kalimantan, Indonesia.*

**Keywords:** Muhammad Basiuni Imran, Educational Reform, Sambas Sultanate

## PENDAHULUAN

Secara umumnya, gerakan islah dan tajdid di Alam Melayu dipelopori oleh ulama yang mendapat pendidikan di Timur Tengah. Pemikiran yang dikemukakan oleh mereka telah memberi kesan yang besar kepada perkembangan pendidikan. Hal ini dapat diteliti melalui aktiviti-aktiviti islah pada awal abad ke 20.<sup>2</sup> Sebagai contoh, kelahiran institusi pendidikan seperti pondok dan madrasah telah menyemarakkan lagi perkembangan intelektual kalangan masyarakat Melayu.<sup>3</sup> Walau bagaimanapun, apabila membincangkan isu berkaitan gerakan islah dan tajdid di Alam Melayu secara umumnya dan di Indonesia secara khususnya, didapati kajian lepas banyak memfokuskan berkaitan gerakan islah di Indonesia di Sumatera dan Jawa. Oleh yang demikian, kajian terhadap Muhammad Basiuni Imran sebagai pembaharu semasa pemerintahan Kesultanan Sambas perlu dikenalpasti khususnya dalam pembaharuan pendidikan di Sambas.<sup>4</sup>

Muhammad Basiuni Imran merupakan Maharaja Imam semasa pemerintahan Kesultanan Sambas. Kesultanan ini merupakan kesultanan Melayu yang terletak di sebelah utara Kalimantan Barat. Beliau telah menghasilkan pelbagai karya dalam bidang agama seperti fiqah, akidah, tauhid dan sirah. Kehebatan beliau telah diiktiraf oleh Wan Mohd Shaghir Abdullah yang mengakui bahawa Muhammad Basiuni Imran adalah ulama Sambas yang paling banyak menghasilkan karya penulisan.<sup>5</sup> Terdapat beberapa karya beliau telah dicetak dan ada juga yang masih dalam bentuk manuskrip. Jumlah karya yang diketahui adalah sebanyak 13, dua daripadanya ditulis dalam bahasa Arab yang selebihnya ditulis dalam bahasa Indonesia menggunakan tulisan jawi. Selain itu, beliau juga adalah seorang ulama yang aktif menulis dalam majalah *al-Manar*. Sebagai seorang yang mempunyai kedudukan yang penting dalam kerajaan dan masyarakat Sambas, beliau bukan semata-mata menumpukan urusan berkaitan pentadbiran agama, malah beliau juga mengambil berat terhadap bidang pendidikan.

Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti latar belakang kehidupan dan pendidikan beliau serta pemikiran dan pendekatannya dalam melaksanakan pemberian dan pembaharuan dalam pendidikan khususnya di Sambas, Kalimantan Barat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Data-data dikumpul melalui dokumen, temu bual dan pemerhatian. Dapatkan kajian dianalisis dengan menggunakan analisis tematik untuk meneliti pemikiran dan pendekatan islah dan pembaharuan yang dilaksanakan oleh Muhammad Basiuni Imran dalam pendidikan.

---

<sup>2</sup> Mustaffa Abdullah, "Perjuangan Ulama Islah Tempatan Pada Awal Abad Ke 20 Dalam Usaha Memurnikan Pemikiran Orang-orang Melayu Di Malaysia." *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)* 21, no. 1 (2010): 152-170.

<sup>3</sup> Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin et al. "Pengaruh Islam Dalam Perkembangan Intelektual Di Alam Melayu, *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)* 25, No. 1 (2014): 102-116.

<sup>4</sup> Syamsiah, Nur. "History Of Muhammad Basiuni Imran As Head Of Shar'i'ah Court Office In The Implementation Of Islamic Law In Sambas 1951-1955 West Kalimantan." *Jurnal Syariah* 30, no. 2 (2022): 175-205.

<sup>5</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, "Basiyuni Imran Maharaja Imam Sambas," *Utusan Malaysia*, 20/02/2006 <http://www.utusan.com.my>.

## LATAR BELAKANG KELUARGA DAN PENDIDIKAN

Muhammad Basiuni bin Haji Imran bin Haji Muhammad Arif bin Haji Nuruddin bin Haji Mustafa<sup>6</sup> dilahirkan pada tanggal 25 Zulhijjah 1302 H bersamaan 16 Oktober 1885.<sup>7</sup> Beliau mendapat pendidikan awal di rumah dengan didikan langsung daripada bapanya iaitu Imran yang merupakan Maharaja Imam kedua bagi Kesultanan Sambas. Pada peringkat ini, beliau belajar membaca al-Quran ketika memasuki umur enam atau tujuh tahun. Beliau juga belajar di Sekolah Rakyat (*Volkschool*) di Sambas.<sup>8</sup>

Pendidikan formal yang sempat diikuti oleh beliau di Sekolah Rakyat hanya selama dua tahun. Selepas itu, beliau mempelajari ilmu pengetahuan secara tidak formal dengan bapanya dan bapa saudaranya yang bernama Haji Muhammad Djabir.<sup>9</sup> Secara keseluruhannya, beliau memperoleh pendidikan di Sambas selama 10 tahun.<sup>10</sup>

Pada tahun 1901, Muhammad Basiuni Imran telah pergi ke Mekah untuk menunaikan ibadah haji serta mempelajari bahasa Arab dan mendalami ilmu pengetahuan Islam.<sup>11</sup> Di Mekah, beliau belajar dengan beberapa orang guru iaitu Tuan Guru Umar Sumbawa, Tuan Guru Usman Serawak, Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau dan Shaykh Ali Maliki.<sup>12</sup>

Ketika di Mekah, Muhammad Basiuni Imran mula mengenali beberapa tokoh pembaharu di dunia Islam seperti Jamal al-Din al-Afghani, Muhammad Abduh dan Muhammad Rashid Rida melalui majalah *al-Manar*. Setelah lima tahun menuntut ilmu di Mekah, beliau diminta pulang ke Sambas oleh orang tuanya pada tahun 1324H. Di Sambas, Sultan Muhammad Safiuddin II telah melantik beliau sebagai Imam Pembantu di Masjid Jami' Sambas yang bertanggungjawab mengajarkan agama Islam di istana sultan Sambas selama dua tahun. Ketika ini, beliau masih melanggan majalah *al-Manar* di samping membaca buku berbahasa Arab dari Mesir.<sup>13</sup>

Seterusnya beliau telah melanjutkan pengajiannya di Universiti al-Azhar, Mesir bagi meningkatkan lagi ilmu pengetahuan. Pada tahun 1908, beliau berangkat ke Mesir bersama-sama adiknya Ahmad Fawzi Imran dan sahabatnya Ahmad Suud dengan

<sup>6</sup> Sunendar, "Peran Maharaja Imam Muhammad Basiuni Imran dalam Kehidupan Sosial Keagamaan Masyarakat Kerajaan al-Watzikhoebillah Sambas 1913-1976" (Tesis Pascasarjana, UIN Sunan Kalijaga, 2012) 117-118.

<sup>7</sup> Ibid., 118.

<sup>8</sup> Pijper, *Beberapa Studi tentang Sejarah Islam di Indonesia 1900-1950*, terj. Tudjimah dan Yessy Augusdin (Jakarta: UI Press, 1984), 142.

<sup>9</sup> Haji Muhammad Djabir ialah ulama yang menjadi Imam Maharaja dalam Kesultanan Sambas. Beliau merupakan bapa saudara Muhammad Basiuni Imran. Pendidikan awal dan asas Muhammad Djabir dipercayai daripada ayahnya sendiri, Maharaja Imam Haji Muhammad Arif. Kemudian, beliau melanjutkan pendidikan di Mekah bersama beberapa orang dalam keluarga ini termasuk beberapa orang Sambas lainnya. Antara guru mereka di Mekah ialah Syeikh Abu Bakar Syatha, Syeikh Muhammad bin Ismail al-Fathani dan Syeikh Ahmad al-Fathani. Menurut Wan Mohd Saghir, setakat ini hanya sebuah karya Khatib Haji Muhammad Djabir yang ditemui. Risalah tersebut bertajuk *Risalah al-Hajji* yang selesai penulisannya selesai pada 12 Rabiulawal 1331 H dan dicetak oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, Singapura pada 14 Syawal 1343 H bersamaan 7 Mei 1925 M. Beliau menggunakan nama Khathib Muhammad Djabir bin al-Marhum al-Imam as-Syieikh Muhammad Arif Sambas. Lih. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, "Muhammad Jabir as-Sambasi Khatib Sidana Kerajaan Sambas." 12 November 2006, <http://ulama-nusantara.blogspot.my>.

<sup>10</sup> Erwin, *Falsafah dan Gerakan Pendidikan Islam Maharaja Imam Sambas Muhammad Basiuni Imran (1885-1976)* (Pontianak: STAIN Pontianak Press, 2007), 35-36.

<sup>11</sup> Machrus Effendy, *Riwayat Hidup dan Perjuangan Maharaja Imam Sambas*, (Jakarta: Dian Kemilau, 1995), 15.

<sup>12</sup> Pijper, *Sejarah Islam di Indonesia*, 142-143.

<sup>13</sup> Erwin, *Falsafah dan Gerakan Pendidikan Islam*, 36.

menaiki kapal Perancis dari Singapura. Apabila tiba di Mesir, mereka tinggal di rumah Muhammad Rashid Rida selama beberapa hari sebelum mendapatkan rumah sewa berdekatan masjid al-Azhar<sup>14</sup>.

Muhammad Basiuni Imran mengikuti pengajian di Universiti al-Azhar selama enam bulan. Di samping belajar secara formal, beliau dan adiknya serta bersama beberapa mahasiswa lain juga belajar secara peribadi dengan seorang ulama terkemuka dari al-Azhar iaitu Sayyid Ali Surur al-Zankalani. Apabila Muhammad Rashid Rida membuka *Madrasah Dar al-Da'wah wa al-Irshad* pada 3 Mac 1912, Muhammad Basiuni Imran, Ahmad Fawzi Imran dan Haji Abdurrahman Hamid telah memilih untuk meneruskan pengajian di madrasah tersebut. Muhammad Rashid Rida ketika itu mengajar tafsir al-Quran dan ilmu Tauhid. Pengajian beliau di *Madrasah Dar al-Da'wah wa al-Irshad* telah dijelaskan oleh Muhammad Basiuni Imran seperti yang berikut:

*Setelah kami menuntut ilmu selama enam bulan di al-Azhar, S.M Rida membuka sebuah madrasah Dar al-Da'wah wal Irshad di Manyal (Kairo Lama) sebuah madrasah kulliyah. Di situ diajarkan segala macam pengetahuan yang berhubungan dengan bahasa Arab, agama, pengetahuan tentang agama Islam dan ilmu pengetahuan lainnya. Saya, saudara saya dan juga H. Abdurrahman Hamid menjadi mahasiswa di madrasah tersebut. S.M Rashid Rida mengajar tafsir al-Quran dan ilmu tauhid. Semua mahasiswa hadir jika Tuan Rashid mengajar. Karena ilmu yang diberikannya itu merupakan ilmu yang benar-benar memberi penerangan pada hati dan fikiran. Segala puji bagi Allah, walaupun tidak semua pelajaran yang diberikan di madrasah itu saya kuasai, tetapi setidak-tidaknya saya telah turut serta mempelajarinya; semoga Allah memberkahi saya!*<sup>15</sup>

Pada bulan Syaaban 1331 H/1913, semasa masih menuntut di *Madrasah Dar al-Da'wah wa al-Irshad*, Muhammad Basiuni Imran pulang ke Sambas kerana bapanya sakit tenat. Pada hari Isnin, 22 Ramadan 1331H/25 Ogos 1913, bapanya, Maharaja Imam Haji Muhammad Imran meninggal dunia. Kemudian pada 10 Zulhijjah 1331H bersamaan 9 November 1913, selepas solat Aidiladha, Muhammad Basiuni Imran dilantik menjadi Maharaja Imam Kerajaan Sambas bagi menggantikan bapanya.<sup>16</sup>

Setelah pulang dari Mesir, Muhammad Basiuni Imran menambah ilmu pengetahuan dengan mendalami kitab-kitab fiqah Imam Shafi'i dan mazhab-mazhab lain serta tafsir al-Quran dan hadis terutama *Tafsir al-Manar* serta majalah *al-Manar*. Beliau juga melanggan majalah dan akhbar Arab seperti *Fajar Asia*, *al-Muslimin*, *al-Fara'*, *al-Ma'arif al-Qurra*, *al-Fath* dan *Umm al-Qura* untuk mengetahui situasi dunia Islam termasuk perkembangan pendidikan. Untuk meningkatkan kemampuannya dalam penulisan, beliau melatih diri dengan menulis beberapa kitab dan risalah dalam bahasa Arab. Di samping itu, beliau juga sering mengajukan pertanyaan tentang soal-soal agama melalui surat kepada majalah *al-Manar*.<sup>17</sup>

<sup>14</sup> Pijper, *Sejarah Islam di Indonesia*, 143.

<sup>15</sup> *Ibid.*, 143-144.

<sup>16</sup> *Ibid.*, 144.

<sup>17</sup> Erwin, "Inovasi Pendidikan Islam Di Borneo: Gerakan Pembaruan Pendidikan Islam Maharaja Imam Sambas, H. Muhammad Basiuni Imran (1885-1976)." Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Ulama Nusantara, Institut Agama Islam Sultan Muhammad Safiuddin Sambas, Mei 10, 2017, 7.

Ketokohan dan keilmuan Muhammad Basiuni Imran juga dikagumi oleh ramai pihak. Mengikut catatan anaknya Badran, Muhammad Basiuni Imran pernah mendapat penghargaan daripada Presiden Indonesia, Sukarno yang memberikan sebuah peti berukir mengandungi kitab al-Quran sempena majlis nuzul al-Quran di Jakarta. Muhammad Basiuni Imran juga pernah diajak oleh tokoh-tokoh terkemuka Indonesia untuk tinggal di Jakarta bagi menyebarkan lagi ilmu yang dimiliki. Akan tetapi jemputan tersebut ditolak.<sup>18</sup>

Haji Agus Salim<sup>19</sup> pernah mengatakan: “Andai saja Maharaja Imam Haji Muhammad Basiuni Imran duduk berdiam di Jakarta, ilmu dan pengetahuannya akan dapat lebih bermanfaat dan lebih mudah dikembangkan”. Buaya Haji Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA) juga mengatakan beliau merupakan “mutiara yang terpendam, ilmu dan pengetahuan Muhammad Basiuni Imran sungguh dalam dan luas”. Kefasihannya dalam berbahasa Arab juga telah mendapati pujian daripada Profesor Kahar Muzakkir<sup>20</sup> iaitu pensyarah Institut Agama Islam Negeri Sunan Kalidjaga Yogyakarta. Ketika beliau mendengar Muhammad Basiuni Imran menyampaikan kuliah umum, beliau mengatakan: “Bahasa Arab Basiuni Imran sangat dipujikan”<sup>21</sup>

Pada tahun 1974, Muhammad Basiuni Imran telah ditimpah penyakit darah tinggi dan mendapat rawatan di Rumah Sakit Umum Sungai Jawi, Pontianak. Akhirnya, pada hari Isnin 25 Julai 1976, Muhammad Basiuni Imran meninggal dunia di Pontianak ketika berusia 91 tahun. Keesokan harinya iaitu pada 26 Julai 1976, jenazah beliau dibawa ke Sambas dan disolatkan di Masjid Raya Sambas. Beliau dimakamkan di pemakaman keluarganya di Kampung Dagang Timur, Sambas.<sup>22</sup>

## MUHAMMAD BASIUNI IMRAN DAN MAJALAH AL-MANAR

Islam dan Timur Tengah terutamanya Mekah dan Mesir mempunyai peranan penting dalam mempengaruhi corak pemikiran umat Islam di Alam Melayu. Mekah selain

<sup>18</sup> Badran Hambi. “Mengenal: H.M Basiuni Imran Maharaja Imam Sambas.” (Makalah Koleksi Peribadi) 28 Oktober 1967, 11

<sup>19</sup> Haji Agus Salim lahir di Koto Gadang, Bukit Tinggi, Minangkabau pada 8 Oktober 1884 dan meninggal dunia di Jakarta pada 4 November 1954. Beliau adalah seorang pejuang kemerdekaan Indonesia. Haji Agus Salim terkenal sebagai orang yang cerdas dan pandai serta menguasai sembilan bahasa asing yang di antaranya Belanda, Inggeris, Jerman, Perancis, Arab, Turki dan Jepun. Pada waktu muda beliau pernah merantau ke Arab Saudi untuk memperkaya pemikiran dan ilmunya dan pernah menjadi penerjemah di Konsulat Belanda di Jeddah Arab Saudi. Tokoh yang terkenal dengan penampilan khasnya memakai kopiah dan berjanggut, dilantik sebagai Menteri Luar Negeri dari 3 Julai 1947 hingga 20 Disember 1949. Pada masa ini, beliau mengetuai delegasi Indonesia dalam Inter-Asian Relation Conference di India dan berusaha membuka hubungan diplomatik dengan beberapa negara Arab, terutama Mesir dan Arab Saudi. Beliau merupakan salah satu diplomat ulung Indonesia yang sering mewakili Indonesia di pelbagai persidangan antarabangsa. Kerana keluasan ilmunya, beliau diminta menyampaikan kuliah agama Islam di Cornell University dan Princeton University, Amerika Syarikat. Lih. (Muhammad Iwan Abdi. “Dakwah Islam Moderat Perspektif Haji Agus Salim.” *Jurnal Komunikasi dan Sosial Keagamaan*. Vol: XV, No. 1, , (2012): 55-70.

<sup>20</sup> Profesor Kahar Muzakkir dilahirkan pada tahun 1903 di Kotagede, Yogyakarta. Beliau telah belajar di Dar al-‘Ulum di Kaherah pada tahun 1925. Beliau tinggal di Mesir selama 12 tahun dan pernah terlibat dalam aktiviti politik dan menjadi anggota beberapa buah persatuan. Beliau adalah ketua Persatuan Antarabangsa Belia Muslim dan juga terlibat dalam penerbitan majalah “Seruan Azhar”. Selepas kemerdekaan Indonesia, beliau memainkan peranan penting dalam memantapkan institusi pengajian tinggi di Indonesia. Antara sumbangan beliau ialah menubuhkan Universiti Islam Sunan Kalijaga di Yogyakarta. Lih. Mona Abaza, *Changing Images of Three Generations of Azharites in Indonesia*. (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1993).

<sup>21</sup> Didik M Nur Haris, Jaringan Intelektual Islam Kalimantan Barat Abad Ke-20; Sebuah Analisis Sejarah, (2016), <http://idr.uin-antasari.ac.id>.

<sup>22</sup> Badran Hambi, “Mengenal: H.M Basiuni,” 10

menjadi destinasi umat Islam untuk menunaikan ibadah haji, ia juga merupakan pusat pendidikan dan intelektual bagi mendalami ilmu agama.<sup>23</sup> Manakala, Universiti al-Azhar juga menjadi tumpuan pelajar Melayu yang sudah menamatkan pengajian di Mekah untuk menyambung pengajian di universiti ini bagi mengukuhkan lagi penguasaan ilmu agama.<sup>24</sup>

Selain kewujudan Universiti al-Azhar, perkembangan politik yang berlaku di Mesir juga menarik minat orang Melayu sejak awal abad ke-20 lagi. Penjajahan British di Mesir telah menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan umat Islam. Salah satu reaksi umat Islam terhadap penjajahan tersebut adalah munculnya kesedaran umat Islam untuk melaksanakan pembaharuan dan menentang penjajahan. Perkembangan kesedaran ini mempunyai kaitan yang erat dengan gerakan islah dan tajdid yang dipelopori oleh Jamal al-Din al-Afghani, Muhammad Abduh dan Muhammad Rashid Rida.<sup>25</sup> Di Mesir, antara media penting yang menyebarkan pemikiran Muhammad Rashid Rida ialah majalah *al-Manar*.<sup>26</sup>

Majalah ini turut tersebar ke Alam Melayu dan mempengaruhi kebangkitan gerakan islah dan tajdid. Antara bukti majalah *al-Manar* menjadi rujukan masyarakat Islam di Alam Melayu adalah melalui kewujudan surat-surat yang dikirim oleh orang Melayu kepada majalah tersebut. Antaranya penulis Melayu dari Indonesia yang sering mengemukakan soalan dan pendapat dalam majalah tersebut iaitu Muhammad Basiuni Imran yang merupakan murid kepada Muhammad Rashid Rida.<sup>27</sup>

Sebelum memasuki madrasah ini, Muhammad Basiuni Imran terlebih dahulu mengenali Muhammad Rashid Rida melalui majalah *al-Manar* ketika menuntut di Mekah. Kekaguman beliau terhadap keilmuan dan ketokohan Muhammad Rashid Rida telah menyebabkan beliau memilih Mesir sebagai tempat untuk mendalami lagi ilmu-ilmu agama selepas menuntut ilmu di Mekah. Apabila *Madrasah Madrasah Dar al-Da'wah wa al-Irshad* dibuka oleh Muhammad Rashid Rida pada tahun 1331H/ 1912M, beliau dan beberapa sahabat telah memasuki madrasah ini.<sup>28</sup>

Setelah pulang ke Sambas, hubungan Muhammad Basiuni Imran dengan gurunya, Muhammad Rashid Rida diteruskan melalui majalah *al-Manar*. Majalah ini menjadi tempat rujukan Muhammad Basiuni Imran sekiranya beliau mempunyai sebarang permasalahan.<sup>29</sup> Hal ini dinyatakan oleh Muhammad Basiuni Imran seperti yang berikut:

*Segala puji bagi Allah (Alhamdulillah)! Walaupun saya telah meninggalkan guru-guru saya, juga telah meninggalkan bangku sekolah*

<sup>23</sup> Mohammad Redzuan Othman, *Islam dan Masyarakat Melayu Peranan dan Pengaruh Timur Tengah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005), 63.

<sup>24</sup> Abu Hanifah Haris, “Pemergian Pelajar Melayu Ke Mesir Dari Tahun 1910-an Hingga 1950-an: Cabaran Dan Implikasi,” *Jurnal Al-Tamaddun*, bil. 8 (1) (2013): 68, [http://eprints.um.edu.my/8681/1/Pemergian\\_Pelajar\\_Melayu\\_ke\\_Mesir\\_Dari\\_Tahun\\_1910-an\\_Hingga\\_1950-an\\_-\\_Cabaran\\_dan\\_Implikasi.pdf](http://eprints.um.edu.my/8681/1/Pemergian_Pelajar_Melayu_ke_Mesir_Dari_Tahun_1910-an_Hingga_1950-an_-_Cabaran_dan_Implikasi.pdf).

<sup>25</sup> *Ibid.*

<sup>26</sup> Mu'hammad bin 'Abd Allah al-Salman, *Rashid Rida wa Da'wah al-Shaykh Mu'hammad bin Abd al-Wahhab*, (Kuwait: Maktabah al-Ma'ala, 1988), 276-277.

<sup>27</sup> Ahmed Ibrahim Abushouk, *Al-Athar al-Kamilah li-Majallah al-Manar 'an Janub Sharq Asia (1898-1935M)*), (Kuala Lumpur: al-Jami'ah al-Islamiyah al-'Alamiyah bi Maliziya, 2006), 10.

<sup>28</sup> *Ibid.*, 10.

<sup>29</sup> Muhammad Rahmatullah, *Pemikiran Fikih Maharaja Imam Kerajaan Sambas Basiuni Imran (1885-1976)*. (Pontianak: Bulan Sabit Press, 2003), 85; Isyatul Mardiyati, “Perkembangan Pendidikan dan Perilaku Keberagamaan Pada Masa Kesultanan Sambas,” *Walisonsong*, Volume 19, Nomor 2, (November 2011): 347. <http://journal.walisongo.ac.id/index.php/walisongo/article/view/161> 347).

di Dar al-Da'wah wa al-Irshad, saya tetap tanpa henti-hentinya mendalami kitab-kitab Imam Shafi'i, kitab-kitab mazhab lain, kitab-kitab tafsir Qur'an dan Hadits, terutama Tafsir al-Manar, majalah al-Manar, dan juga kitab-kitab lain tentang bermacam-macam ilmu pengetahuan. Untuk meningkatkan kemampuan saya, maka saya pun melatih diri dengan menulis kitab-kitab atau risalah-risalah dalam bahasa Indonesia maupun bahasa Arab, juga mengajukan pertanyaan tentang soal-soal agama dengan mengirimkan surat kepada Sahib al-Manar [Rasyid Ridha], pada waktu itu dia masih hidup. Dan saya membaca tafsir, hadis atau sesuatu yang lain pada hari Jumaat di Masjid Jami' Sambas atau kadang-kadang di masjid lain Sambas.<sup>30</sup>

Nama Muhammad Basiuni Imran bukanlah asing dalam majalah *al-Manar*. Artikel beliau yang telah diterbitkan dalam majalah *al-Manar* adalah sebanyak 20 artikel berbentuk soalan dan satu artikel berkaitan pandangan beliau tentang ibadah haji.<sup>31</sup> Soalan-soalan yang dikemukakan oleh beliau secara umumnya berkaitan dengan lafaz niat sembahyang,<sup>32</sup> solat Jumaat,<sup>33</sup> zakat,<sup>34</sup> Israk dan Mikraj,<sup>35</sup> perkahwinan dan talak,<sup>36</sup> talkin mayat,<sup>37</sup> beriman dengan malaikat maut,<sup>38</sup> hibah,<sup>39</sup> terjemahan al-Quran,<sup>40</sup> pendidikan di Mesir<sup>41</sup> dan hukum hakim dan kadi bersumpah.<sup>42</sup> Beliau juga bertanyakan tentang penggunaan huruf latin bagi menggantikan huruf Arab seperti yang dilakukan oleh Mustafa Kemal Ataturk,<sup>43</sup> kelahiran Nabi Isa AS,<sup>44</sup> hukum mengurung haiwan dalam sangkar<sup>45</sup> dan hukum penggunaan duit loteri untuk kebajikan masyarakat.<sup>46</sup>

Pertanyaan beliau kepada majalah *al-Manar* yang memberi impak besar kepada seluruh dunia pula adalah tentang “*Limaza taakhara al-Muslimun wa limādha taqaddama ghairuhum?*” (Mengapa Umat Islam mundur dan orang lain maju?).<sup>47</sup> Pertanyaan ini telah menjadi tajuk buku dengan judul yang sama yang ditulis oleh Amir Shakib Arsalan (1869-1945). Terjemahannya ke bahasa Inggeris berjudul “Our Decline and its Causes” terbit di Lahore Pakistan tahun 1944 dan terjemahan ke dalam bahasa Indonesia diterbitkan pada tahun 1970-an.<sup>48</sup>

<sup>30</sup> Pijper, *Sejarah Islam di Indonesia*, 145.

<sup>31</sup> Abushouk, *Al-Athar al-Kamilah*, 159-165.

<sup>32</sup> *Ibid.*, 109-110

<sup>33</sup> *Ibid.*, 137-139.

<sup>34</sup> *Ibid.*, 186-187.

<sup>35</sup> *Ibid.*, 381-382.

<sup>36</sup> *Ibid.*, 241-242, 244 dan 248-251.

<sup>37</sup> *Ibid.*, 264-266.

<sup>38</sup> *Ibid.*, 297-298.

<sup>39</sup> *Ibid.*, 308-309

<sup>40</sup> *Ibid.*, 250-251.

<sup>41</sup> *Ibid.*, 653-654.

<sup>42</sup> *Ibid.*, 949-950.

<sup>43</sup> *Ibid.*, 966-968.

<sup>44</sup> *Ibid.*, 970-971.

<sup>45</sup> *Ibid.*, 977.

<sup>46</sup> *Ibid.*, 222-223.

<sup>47</sup> *Ibid.*, 737-740.

<sup>48</sup> Pijper, *Sejarah Islam di Indonesia*, 148-149.

## SITUASI PENDIDIKAN DI SAMBAS, KALIMANTAN BARAT

Muhammad Basiuni Imran hidup semasa Sambas diperintah oleh Kesultanan Sambas. Kesultanan ini merupakan kesultanan Melayu yang terletak di sebelah utara Pulau Borneo. Ibu kota kerajaan ini berada di Muare Ulakkan yang berhadapan dengan tiga cabang anak sungai iaitu sungai Sambas, Teberau dan Subah. Secara rasminya, Kesultanan Sambas telah ditubuhkan pada tahun 1630 apabila Raden Sulaiman ditabalkan menjadi sultan dengan gelaran Sultan Muhammad Safiuddin I.

Kesultanan Sambas secara formal bertahan dalam pentas sejarah selama lebih dari tiga abad. Dalam tempoh tersebut, Sambas telah diperintah oleh 15 orang sultan yang dimulai dengan Raden Sulaiman sehingga sultan yang terakhir iaitu Sultan Mulia Ibrahim yang meninggal dunia kerana dibunuh oleh Jepun pada tahun 1943.

Dalam aspek pendidikan, institusi pendidikan di Sambas tidak banyak jauh bezanya dengan institusi di daerah lain di Nusantara. Sebelum wujudnya madrasah, pendidikan Islam di Kalimantan Barat berlangsung di rumah, surau atau masjid, rumah-rumah guru dan istana. Pendidikan agama di rumah diberikan dalam bentuk belajar mengaji al-Quran yang diberikan kepada anak yang berumur lima hingga sepuluh tahun. Bagi anak yang sudah lancar mengaji dan sudah menamatkan *juzu' amma*, ibu bapa biasanya menghantarkan hadiah berupa beras, kelapa dan kain mengikut kemampuan mereka.<sup>49</sup>

Institusi pendidikan lain yang wujud di Sambas ialah surau atau masjid. Semasa pemerintahan sultan Sambas yang kedua iaitu Sultan Muhammad Tajuddin, hampir setiap kampung mendirikan surau yang bukan semata-mata menjadi tempat ibadah, bahkan ia juga menjadi tempat pengajian ilmu agama.<sup>50</sup> Di sini, anak-anak yang sudah remaja dihantar kepada orang alim untuk mendalami ilmu pengetahuan. Biasanya mereka belajar atas-asas ilmu nahu, sarf, fiqah dan tasawuf.<sup>51</sup>

Di Sambas, antara surau yang menjadi tempat pengajian agama ialah surau Raden Sulaiman. Surau ini didirikan oleh Raden Sulaiman yang bergelar Sultan Muhammad Safiuddin I yang terletak di Kota Bangun. Pada masa pemerintahan Sultan Akamaddin I (1702-1727), sebuah surau yang bernama “*Kamasallaita*” telah dibina. Pada masa ini, seorang ulama dari Patani iaitu Syeikh Abdul Jalil al-Fatani<sup>52</sup> telah datang dan mengajarkan agama Islam di Sambas. Surau Sirajul Islam yang terletak di Selakau Sambas juga memainkan peranan penting dalam menyebarkan ajaran agama

---

<sup>49</sup> *Ibid.*, 14.

<sup>50</sup> *Ibid.*, 15-17.

<sup>51</sup> *Ibid.*

<sup>52</sup> Syeikh Abdul Jalil al-Patani telah meninggal dunia di Sambas dan makamnya dikenali sebagai Keramat Lumbang kerana kehebatan ilmunya dalam bidang tasawuf dan dikebumikan di daerah Lumbang, Sambas. Lih. Erwin, *Falsafah dan Gerakan Pendidikan Islam*, 17.

Islam. Surau ini didirikan oleh Haji Muhammad Saad yang merupakan anak murid kepada Syeikh Ahmad Khatib Sambas<sup>53</sup> dan sekaligus menjadi guru di surau tersebut.<sup>54</sup>

Pengajian agama semakin berkembang apabila Masjid Jami' dibina pada zaman Sultan Muhammad Safiuddin II (1866-1922). Masjid ini didirikan pada tahun 1888 atas permintaan bonda baginda yang bernama Ratu Sabar. Pengajaran agama dijalankan oleh Maharaja Imam sebagai pemegang kekuasaan tertinggi dalam bidang keagamaan dalam kerajaan Sambas. Secara rutinnya, setiap hari Jumaat pada pukul 10.00 pagi sehingga menjelang solat Jumaat, Maharaja Imam Muhammad Basiuni Imran akan memberikan pengajaran agama dengan menggunakan beberapa kitab *turath*. Di Sambas, pengajaran seperti ini disebut sebagai *tashwir*.<sup>55</sup> Selain masjid dan surau, rumah-rumah guru juga dijadikan sebagai tempat pengajaran agama Islam. Misalnya rumah Haji Nurdin Tekarang<sup>56</sup> dan rumah Muhammad Basiuni Imran<sup>57</sup> di Kampung Dagang Timur.

Institusi pendidikan lain di Sambas ialah istana. Istana kerajaan juga menjadi tempat berlangsungnya pendidikan Islam yang terbatas kepada keluarga besar sultan. Pada masa pemerintahan sultan yang kelima iaitu Sultan Umar Akamaddin II (1762-1798), sultan memiliki seorang ulama kerajaan yang bernama Imam Ya'kob. Tugas beliau ialah memberikan pengajian agama dan akhlak kepada keluarga dan kerabat sultan. Pada zaman Sultan Abu Bakar Tajuddin (1798-1813), seorang lagi tokoh ulama tersohor iaitu Syeikh Ahmad Khatib Sambas iaitu pengasas tarekat Qadriyah-Naqsyabandiyah telah lahir pada tahun 1803. Walaupun beliau tidak kembali ke Sambas setelah bermukim di Mekah pada abad ke-19, pengaruh beliau telah disebarluaskan oleh murid-murid beliau di Sambas dan Pontianak dan seluruh Nusantara secara umumnya.<sup>58</sup> Pada masa pemerintahan Sultan Muhammad Ali Safiuddin (1813-1826), institusi keagamaan Islam diwujudkan di istana dengan melantik Haji Nuruddin Mustafa sebagai Imam Kesultanan. Tugas Imam adalah datang ke istana setiap hari

<sup>53</sup> Ahmad Khatib lahir di Kampung Dagang, Sambas, Kalimantan Barat pada bulan Safar 1217H bertepatan dengan tahun 1803. Ayahnya bernama Abdul Ghaffar bin Abdullah bin Muhammad bin Jalaluddin. Semasa kecil lebih kurang berumur empat atau lima tahun, beliau diasuh oleh bapa saudaranya. Sejak kecil, beliau merupakan anak yang rajin dan menunjukkan minat terhadap ilmu agama. Ketika remaja, pada tahun 1820, beliau berangkat ke Mekah untuk menunaikan haji, belajar dan kemudian menetap di sana. Beliau telah bernikah dengan wanita Arab berketurunan Melayu dan memperoleh dua orang anak lelaki dan seorang anak perempuan iaitu Yahya, Siti Khadijah dan Abdul Ghaffar. Antara guru-guru beliau ialah Syeikh Daud al-Fatani, Syeikh 'Abd al-Hafiz al-'Ajami, Ahmad Marzuqi dan Syeikh Syamsuddin. Beliau ialah pengasas tarekat Qadiriyyah Naqsyabandiyah. *Lih.* Erwin Mahrus, Rosadi Jamani dan Edy Kusnan Hadi, *Syekh Ahmad Khatib Sambas (1803-1875)* (Pontianak: Untan Press, 2013), 13-14, 18, 22-23 dan 28.

<sup>54</sup> Erwin, *Falsafah dan Gerakan Pendidikan Islam*, 17.

<sup>55</sup> *Ibid.*

<sup>56</sup> Haji Nurdin Tekarang ialah ulama keturunan Filipina yang menetap di Tekarang Sambas. Beliau ialah murid Syeikh Ahmad Khatib Sambas, selain H. Muhammad Saad Selakau. Kerana kealiman Haji Nurdin, rumahnya dijadikan tempat belajar oleh masyarakat. Bahkan ramai penuntut ilmu dari luar daerah Tekarang yang menggunakan perahu bidar untuk belajar dengan guru ini. Antara ilmu yang diajar ialah Fikah dan tasawuf. *Lih.* Erwin, "Inovasi Pendidikan Islam di Borneo", 4.

<sup>57</sup> Rumah yang digunakan tempat belajar ini merupakan peninggalan dari ayahandanya Haji Muhammad Imran. Di rumah ini Basiuni Imran mengkhususkan pengajaran untuk orang perempuan dan kaum ibu. Pengajaran dimulai dari pukul 7.00 sehingga dengan pukul 10.00 pagi pada setiap hari Jumaat. Kini, rumah peninggalan Muhammad Basiuni Imran ini dijadikan sebagai Museum Tamaddun Islam Nagri Sambas oleh Pemerintah Kabupaten Sambas. *Ibid.*

<sup>58</sup> Antara anak murid yang terkenal ialah Syeikh Abdul Karim Banten yang menyebarkan tarekat Qadiriyyah Naqsyabandiyah di Indonesia dengan mendirikan pondok di sekitar Tanara (wilayah Banten Timur). Lihat Erwin et.al, *Syekh Ahmad Khatib Sambas*, 62-63.

untuk memberikan pengajaran agama terutamanya pengajian al-Quran kepada kerabat sultan.<sup>59</sup>

Institusi pendidikan secara formal muncul di Sambas pada akhir abad ke-19. Pemerintah Belanda telah mendirikan beberapa sekolah yang menerapkan kurikulum Belanda seperti Sekolah Rendah (1872), Sekolah Bumiputera Kelas II (1903), *Byzondere School* (1910) dan *Hollands Chineesche School* (1915).<sup>60</sup> Selepas setahun kemudian, sultan Muhammad Safiuddin II telah membina sebuah sekolah dengan nama Madrasah al-Sulthaniyah pada tahun 1916. Madrasah ini merupakan madrasah pertama di Kalimantan Barat.<sup>61</sup>

Institusi lain yang ditubuhkan oleh Sultan Muhammad Safiuddin II untuk memainkan peranan dalam bidang pendidikan dan keagamaan ialah institusi Maharaja Imam yang ditubuhkan pada tahun 1872. Institusi keagamaan tertinggi dalam kerajaan Sambas diketuai oleh Haji Muhammad Arif Nuruddin yang merupakan Maharaja Imam pertama kerajaan ini.<sup>62</sup>

Kemajuan intelektual diperoleh Kesultanan Sambas pada era Sultan Muhammad Safiuddin II dilihat apabila terdapat pelajar yang berprestasi telah melanjutkan pendidikan ke Mesir. Salah seorang yang berjaya menyambung pengajian di Mesir ialah Muhammad Basiuni Imran. Dorongan untuk belajar ke luar negara bagi mendalami ilmu-ilmu agama bertujuan untuk mempersiapkan tenaga kerja yang akan mengisi jawatan keagamaan di kerajaan seperti jawatan kadi dan mufti serta menjadi tenaga pengajar di Madrasah al-Sulthaniyah.<sup>63</sup>

Kemajuan bidang pendidikan pada zaman Sultan Muhammad Safiuddin II diteruskan oleh sultan-sultan selepas beliau sehingga sampai ke zaman pemerintahan Sultan Muhammad Mulia Ibrahim. Pada masa ini, bidang pendidikan tidak mengalami perubahan yang signifikan dan meneruskan sistem pendidikan yang ada agar seluruh masyarakat Sambas berpeluang untuk mendapatkan pendidikan.<sup>64</sup>

## ISLAH DAN TAJDID DALAM PENDIDIKAN

Kesultanan Sambas mencapai kemuncak kegemilangannya pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Safiuddin II. Antara faktor yang membawa kecemerlangan ini adalah berkembangnya sistem pendidikan melalui reformasi yang dilakukan oleh Muhammad Basiuni Imran. Sebagai Maharaja Imam, beliau bukan hanya bertanggungjawab dalam aspek agama, malah tugasnya juga mencakupi aspek pendidikan.<sup>65</sup>

Dalam suratnya kepada Muhammad Rashid Rida, Muhammad Basiuni Imran menjelaskan bahawa umat Islam di Indonesia khususnya di Kalimantan Barat agak ketinggalan dalam aspek pendidikan. Dalam surat tersebut beliau menegaskan "...tidak ditemukan sekolah agama melainkan beberapa tahun terakhir ini dan jumlah ulamanya masih sangat sedikit." Muhammad Basiuni Imran juga pernah menyatakan bahawa

---

<sup>59</sup> Erwin, *Falsafah dan Gerakan Pendidikan Islam*, 17-20.

<sup>60</sup> Muhammad Rahmatullah, *Pemikiran Fikih Maharaja Imam*, 33-34.

<sup>61</sup> Erwin Mahrus, *Falsafah dan Gerakan Pendidikan Islam*, 22.

<sup>62</sup> Muhammad Rahmatullah, *Pemikiran Fikih Maharaja Imam*, 6.

<sup>63</sup> Erwin Mahrus, *Falsafah dan Gerakan Pendidikan Islam*, 26-27.

<sup>64</sup> Mario Inirgo Oki Menes Belo, "Islam di Kesultanan Sambas Kalimantan Barat," (Tesis Sarjana, Universitas Sanata Dharma Yogyakarta, 2016), 88.

<sup>65</sup> Erwin, *Falsafah dan Gerakan Pendidikan Islam*, 26.

“Bangsa dan Nusa tidak akan lekas majunya kalau tidak ada perguruan kepunyaan bangsanya sendiri.”<sup>66</sup>

Berdasarkan kenyataan tersebut, Muhammad Basiuni Imran sedar bahawa pembaharuan pendidikan menjadi agenda penting untuk memperjuangkan nasib umat Islam. Melihat kepada situasi ini, beliau berpendapat perlunya reformasi dalam sistem dan institusi pendidikan Islam yang telah ada seperti istana, surau atau masjid dan rumah-rumah guru.<sup>67</sup>

Pemikiran beliau tentang pendidikan boleh dilihat dalam *statun en Huishoudelijik Reglement* (AD/ART) Perkoempoelan Tarbiatoel Islam dan naskhah yang ditulis untuk mengisi ceramah di Kulliyatul Muballighin.<sup>68</sup> Konsep pendidikan yang dikemukakan oleh Muhammad Basiuni Imran adalah bersifat bersepada dan menyeluruh. Hal ini bermakna, dalam Islam tidak ada pemisahan antara ilmu agama dan ilmu umum. Perkara ini jelas dinyatakan dalam AD/ART Perkoempoelan Tarbiatoel Islam yang dibentuknya. Muhammad Basiuni Imran menegaskan bahawa:

*Tarbiatoel Islam adalah satu-satunya perkumpulan di Kota Sambas yang berpendirian semata-mata dalam jurusan sosial. Pengurusnya bercita-cita membangunkan sekolah-sekolah yang berpelajaran dan berpendidikan lahir dan batin pada jalan dunia dan akhirat.*<sup>69</sup>

Untuk merealisasikan konsep pendidikan bersepada, beliau telah mengatur strategi untuk memastikan hasrat tersebut dicapai. Pertama, mendirikan sekolah yang mengajarkan dasar-dasar ilmu agama Islam dan memasukkan seluruh pelajaran di insitusi pendidikan Belanda iaitu *Holland Inlansche Schools (HIS)*. Kedua, membuka kursus-kursus agama untuk para pendakwah. Ketiga, mengadakan pertemuan yang membahaskan persoalan-persoalan agama. Dalam mengajarkan ilmu agama, Muhammad Basiuni Imran cenderung menggunakan metode gagasan pembaharuan majalah *al-Manar*. Sementara dalam mengajarkan ilmu umum, ia menggunakan kurikulum Barat yang dikembangkan oleh pendidikan kolonial.<sup>70</sup>

## PEMIKIRAN DALAM PENDIDIKAN

Antara perkara yang ditekankan oleh Muhammad Basiuni Imran dalam pendidikan adalah mengenai syarat-syarat seorang pendidik. Pada pandangan beliau, pendidik hendaklah memenuhi dua syarat iaitu akhlak dan profesional. Berkaitan dengan syarat akhlak, pendidik mestilah ikhlas, sabar, bijaksana dan menjauhi perdebatan. Syarat kedua iaitu syarat profesional pula meliputi pengetahuan yang luas dan mengetahui keadaan orang yang dididik.<sup>71</sup>

Perbahasan Muhammad Basiuni Imran tentang ikhlas dimulai dengan mengemukakan definisi ikhlas yang bererti membersihkan. Bersikap ikhlas adalah membersihkan hati daripada segala kekotoran. Ikhlas juga merujuk kepada pekerjaan yang dilakukan semata-mata kerana Allah kerana beriman dan mengharap reda-Nya.

<sup>66</sup> Erwin, “Inovasi Pendidikan Islam di Borneo”, 9.

<sup>67</sup> *Ibid.*

<sup>68</sup> Erwin, *Falsafah dan Gerakan Pendidikan Islam*, 72.

<sup>69</sup> Statuten en Huishoudelijik Reglement Perkoempoelan Tarbiatoel Islam, (Pontianak: Boekhandel dan Drukkerij Phin Min, 1936).

<sup>70</sup> *Ibid.*, 73-74.

<sup>71</sup> *Ibid.*, 74.

Sikap ikhlas menurut beliau adalah ruh atau jiwa bagi sesuatu perbuatan. Perbuatan tanpa ikhlas adalah sia-sia.<sup>72</sup>

Beliau menegaskan bahawa segala perbuatan sama ada terdapat saksi atau tidak, tidak pernah luput dari pandangan Tuhan. Bahkan Muhammad Basiuni Imran menekankan bahawa sikap ikhlas erat ikatannya dengan takwa. Oleh kerana itu, tegas beliau “tidak jarang kita melihat orang alim (berilmu) yang tidak memiliki sikap takwa lalu berlaku buruk.” Beliau juga menegaskan bahawa seorang pendidik dan pendakwah wajib ikhlas dalam melaksanakan tugasnya. Hal ini kerana mereka berperanan menyampaikan pengajaran dan perintah Tuhan. Beliau juga menyebut bahawa seorang yang ikhlas akan bekerja dengan perasaan lapang serta tidak mudah mengeluh dalam menghadapi kesulitan.<sup>73</sup>

Tentang konsep pendidikan, Muhammad Basiuni Imran tidak memberikan pengertian khusus tentang pendidikan. Dalam hal ini yang menjadi penekanannya adalah mengajar mahupun belajar merupakan ibadah untuk mencari reda Allah. Oleh kerana itu, seorang pendidik terlebih dahulu meluruskan niat untuk mencari reda Allah dan tidak bermaksud untuk mencari keuntungan atau pujian orang.<sup>74</sup> Jelaslah di sini, tujuan pendidikan menurut Muhammad Basiuni Imran sebenarnya dalam rangka untuk membentuk peribadi menjadi ‘*ibad al-Rahman*.<sup>75</sup>

Sabar dan bijaksana dalam mendidik juga mendapat perhatian besar daripada Muhammad Basiuni Imran. Pendidikan merupakan proses jangka panjang. Oleh kerana itu, seorang pendidik pasti menghadapi banyak rintangan dan ujian. Menurut beliau, ketika menyampaikan pengajaran dan perintah Allah, pasti selalu ada orang yang belum mahu menerima teguran dan peringatan yang disampaikan. Di sinilah sabar dan bijaksana memainkan peranan yang sangat penting bagi menentukan kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran serta dakwah.<sup>76</sup>

Syarat lain yang penting bagi menjadi seorang guru adalah menjauhi perdebatan dan perselisihan yang tidak perlu. Dalam usaha mendidik dan membina umat Islam, setiap pendidik perlu berusaha untuk tidak terjebak dalam perselisihan yang mengakibatkan perpecahan. Perdebatan yang tidak menguntungkan misi pendidikan dan dakwah mesti dijauhi. Perkara ini jelas dalam kenyataan beliau yang berikut:

*Bersalah-salahan dalam suatu masalah memang sudah lazim, bahkan di zaman para sahabat rasul sendiri pernah terjadi. Tetapi tidaklah menyebabkan terjadinya perpecahan dan cerai berai serta perkelahian karena mereka senantiasa tunduk pada kebenaran.*<sup>77</sup>

Berkait dengan syarat profesional, Muhammad Basiuni Imran meletakkan pentingnya seseorang pendidik mempunyai ilmu pengetahuan yang luas. Ilmu yang sangat penting menurut beliau dalam konteks pendidikan Islam adalah bahasa Arab. Baginya, bahasa ini merupakan wahana yang sangat penting untuk mengetahui ilmu-ilmu keislaman khususnya al-Quran, al-Sunnah dan sejarah kaum Muslimin.<sup>78</sup>

Pemikiran Muhammad Basiuni Imran tentang pendidikan juga menyentuh aspek metodologi pengajaran. Beliau berpendapat, metodologi pengajaran yang berlaku

<sup>72</sup> *Ibid.*, 74-75.

<sup>73</sup> *Ibid.*, 76.

<sup>74</sup> *Ibid.*

<sup>75</sup> Erwin, Temu bual dengan Pengkaji, Sambas, Kalimantan Barat, 9 Mei 2017.

<sup>76</sup> Erwin, *Falsafah dan Gerakan Pendidikan Islam*, 76-77

<sup>77</sup> *Ibid.*, 77.

<sup>78</sup> *Ibid.*

di institusi pendidikan Islam sangat lemah. Pendapat ini dapat diteliti melalui sebuah artikel yang menanyakan secara kritis, apakah sekolah-sekolah Barat jauh lebih baik daripada madrasah-madrasah kaum Muslim? Tidak adakah sekolah-sekolah Islam yang unggul dan dapat menyaingi setidaknya mengimbangi sekolah-sekolah Barat tersebut?<sup>79</sup>

Jelas di sini bahawa seseorang pendidik mesti mempunyai akhlak dan ilmu yang tinggi bagi membentuk pelajar yang beradab dan berilmu. Minat dan iltizam yang tinggi terhadap tugas sebagai pendidik akan menyebabkan pendidik terus belajar, mencari, meneroka, mendalami ilmu yang diajar untuk meningkatkan pengetahuannya agar bersesuaian dengan peredaran masa. Para pendidik perlu mencapai kecemerlangan ilmu yang akan menyebabkan pelajar boleh menjadikan guru sebagai contoh dan model yang unggul<sup>80</sup>.

## PENUBUHAN MADRASAH AL-SULTHANIYAH

Setelah kembalinya Muhammad Basiuni Imran ke Sambas selepas mengikuti pengajian di Mesir dan menggantikan posisi ayahnya sebagai Maharaja Imam, peluang untuk beliau melakukan perubahan terbuka luas. Muhammad Basiuni Imran memandang perlunya reformasi terhadap institusi pendidikan Islam yang telah sedia ada seperti istana, surau atau masjid dan rumah-rumah guru.<sup>81</sup>

Demi mencapai hasrat yang diidamkan, Muhammad Basiuni Imran telah membentuk sekaligus memimpin sebuah perkumpulan yang dinamakan Golongan Pengetahuan. Kumpulan ini bertanggungjawab merintis penubuhan institusi pendidikan Islam formal di Kerajaan Sambas iaitu Madrasah al-Sulthaniyah. Misi utama kumpulan ini diwujudkan adalah untuk mengumpulkan dana bagi membiayai madrasah yang akan didirikan. Setelah melalui proses yang panjang, akhirnya madrasah ini dapat didirikan pada tahun 1916.<sup>82</sup>

Pada peringkat permulaan, oleh kerana sekolah sebagai tempat pendidikan belum ada, pengajian dijalankan di rumah orang tua Muhammad Basiuni Imran sebagai sekolah untuk diajarkan bahasa Arab kepada murid-muridnya. Gurunya pula terdiri daripada beliau sendiri, Haji Abdurrahman Hamid dan Haji Saleh Arif. Kemudian, sekolah tersebut ditempatkan berhampiran dengan pejabat Kesultanan Sambas dan segala pembiayaan diperoleh daripada sumbangan Sultan Muhammad Safiuddin II.<sup>83</sup>

Bagi memastikan pengurusan madrasah berjalan dengan baik, Muhammad Basiuni Imran telah dilantik oleh sultan sebagai sebagai Nazir (pengawas) madrasah bermula pada tahun 1919 sehingga tahun 1935.<sup>84</sup> Apabila adiknya, Ahmad Fawzi Imran kembali dari Mesir pada tahun 1919, beliau telah dilantik menjadi pengetua sekolah dan dibantu Imam Djabir, Haji Abdurrahman Hamid dan Haji Ahmad Su'ud serta beberapa lagi yang lain.<sup>85</sup>

Madrasah ini memperkenalkan metodologi pengajaran dan pembelajaran dengan cara yang baru. Pembaharuan telah dibuat dalam aspek pentadbiran, kemudahan dan pengurusan kewangan. Dalam aspek pentadbiran, satu organisasi madrasah telah

<sup>79</sup> *Ibid.* Mona Abaza, *Indonesian Students in Cairo*. (Paris: Association Archipel, 1994), 58.

<sup>80</sup> Othman, Zuraidah. "Pembentukan Ilmuwan Beradab Melalui Penerapan Konsep Ta'dib Dalam Pendidikan: Suatu Analisis." *Journal of Al-Tamaddun* 8, no. 2 (2013): 27-35.

<sup>81</sup> Erwin, "Inovasi Pendidikan Islam di Borneo", 9.

<sup>82</sup> *Ibid.*

<sup>83</sup> *Ibid.*, 4.

<sup>84</sup> *Ibid.*

<sup>85</sup> Badran Hambi. "Mengenal: H.M Basiuni Imran Maharaja Imam Sambas." (Makalah Koleksi Peribadi) 28 Oktober 1967, 20.

diwujudkan dengan Jabatan Madrasah yang dipimpin langsung oleh Sultan Sambas, Pengetua dan Nazir madrasah, serta pengurusan madrasah yang diketuai oleh Maharaja Imam Sambas. Madrasah ini juga menggunakan sistem berkelas yang lebih sempurna, memakai bangku dan meja murid serta kurikulum diatur dengan baik dan disempurnakan. Ijazah juga diberikan kepada pelajar yang menamatkan pengajian. Sebagai contohnya, terdapat kajian yang menemui sekeping ijazah atau tepatnya *shahadah* yang dikeluarkan oleh Madrasah al-Sulthaniyah atas nama Mi'radj Djabir. Dalam syahadah ini tertera tanda tangan Sultan Muhammad Ali Safiuddin II sebagai Presiden Madrasah, H. Muhammad Djabir sebagai Pengetua Madrasah, dan H. Muhammad Basiuni Imran sebagai Ketua Jawatankuasa Madrasah.<sup>86</sup>

Pada masa permulaan penubuhan madrasah, madrasah tidak mengenakan apa-apa yuran kepada pelajar terutama pada masa pemerintahan Sultan Muhammad Safiuddin II (1866-1922) dan Sultan Muhammad Ali Safiuddin II (1922-1926). Sultan telah memberi sumbangan kewangan untuk membiayai perbelanjaan madrasah terutama gaji guru-guru Madrasah al-Sulthaniyah. Namun sepeninggalan mereka, madrasah mengalami kesulitan. Pada masa ini, yuran mula dikenakan kepada pelajar setelah melalui beberapa kali bermesyuarat dengan Pangeran Bendahara dan Pengetua Madrasah. Akhirnya pentadbiran sekolah diserahkan kepada Muhammad Basiuni Imran selepas kematian Sultan Muhammad Ali.<sup>87</sup>

Semasa menjadi Nazir madrasah, kurikulum telah dirombak bagi menyesuaikan dengan sekolah milik pemerintah Belanda. Muhammad Basiuni Imran memasukkan kurikulum agama yang seluruhnya merupakan kitab standard berbahasa Arab yang ditulis oleh pakar dari Timur Tengah seperti *kitab al-Islām Shari‘ah wa ‘Aqīdah* (Mahmud Shaltut), *Fath al-Qarīb* (Muhammad Ibn Qasim), *Husn al-Hamidiyah* (Husayn Affandy) dan juga mata pelajaran umum seperti berhitung, membaca dan menulis huruf Latin.<sup>88</sup>

Madrasah al-Sulthaniyah ini dipandang cukup istimewa kerana ia merupakan institusi pendidikan Islam tertua di Kalimantan Barat. Tidak banyak madrasah yang mampu meneruskan kelangsungannya dalam tempoh yang lama walaupun berada dalam zaman penjajahan Belanda.<sup>89</sup> Madrasah ini juga menjadi pusat pengkaderan ulama dalam kerajaan Sambas. Polisi kerajaan Sambas dengan membentuk jabatan agama Islam dipercayai telah menyediakan modal insan yang akan mengisi jabatan-jabatan tersebut. Ternyata, alumni Madrasah al-Sulthaniyah telah berhasil mengambil peranan ini. Antara alumni Madrasah al-Sulthaniyah seperti Mi'rajd Djabir dan Muhammad Sirri Umar yang dilantik menjadi penghulu (naib kadi) dan guru di madrasah ini. Selain itu, kejayaan Madrasah al-Sulthaniyah ini juga dapat dilihat apabila murid-muridnya pandai berbahasa Arab dan sebahagian besar muridnya meneruskan pengajian di Yogyakarta, Jakarta dan Sumatera.<sup>90</sup>

## **PENUBUHAN SEKOLAH TARBIYATUL ISLAM**

Gagasan pembaharuan selanjutnya yang lebih konkret ketika Muhammad Basiuni Imran mendirikan Perkumpulan Tarbiyatul Islam (PERTI) yang mengubah Madrasah al-Sulthaniyah menjadi sekolah Tarbiyatul Islam pada tahun 1936. Muhammad Basiuni

<sup>86</sup> *Ibid.*, 10.

<sup>87</sup> *Ibid.*, 10.

<sup>88</sup> Erwin, *Falsafah dan Gerakan Pendidikan Islam*, 83.

<sup>89</sup> Erwin, “Inovasi Pendidikan Islam Di Borneo.”, 10-11.

<sup>90</sup> *Ibid.*, 12.

Imran memandang Madrasah al-Sulthaniyah perlu dikembangkan dan dinaiktaraf agar sesuai dengan situasi semasa. Lalu, pada awal tahun 1935, madrasah al-Sulthaniyah telah dipindahkan ke Kampung Tanjung Belanda kerana tempat lama yang bersebelahan dengan istana sultan di Kampung Dalam Kaum terlalu sempit dan tidak mampu menampung jumlah murid yang ramai.<sup>91</sup>

Konsep pendidikan sekolah Tarbiyatul Islam menekankan tentang kesepadan ilmu. Perkara ini telah dinyatakan dalam “Anggaran Dasar dan Rumah Tangga Perkoempoelan Tarbiatoel Islam” bahawa “Tarbiatoel Islam merupakan satu-satunya lembaga pendidikan di Kerajaan Sambas yang mendidik murid-muridnya untuk jurusan dunia dan akhirat”. Perlembagaan tersebut menegaskan bahawa tujuan kumpulan ini ditubuhkan adalah untuk memajukan dan menggalakkan pengajaran dan pelajaran agama Islam dalam kerajaan Sambas serta memajukan dan menggalakkan cara hidup yang Islami.<sup>92</sup>

Misi penubuhan perkumpulan ini adalah untuk mendirikan, memelihara serta membantu sekolah-sekolah yang memiliki kurikulum agama dan Barat. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menyediakan kemudahan pendidikan kepada para pendakwah yang bertugas mengembangkan ajaran agama Islam ke segala pelosok negeri dalam kerajaan Sambas. Perkumpulan ini juga didirikan untuk mengadakan pertemuan yang membahas perkara-perkara berkaitan dengan agama Islam.<sup>93</sup>

Idea melakukan pembaharuan sistem pendidikan ketika itu didorong oleh faktor persaingan dengan gerakan pihak missionari Kristian yang menubuhkan sekolah, gereja, dan rumah sakit. Hal ini menyebabkan Muhammad Basiuni Imran bergerak cepat kerana sedar sekolah tersebut akan menarik masyarakat Islam yang cukup bersemangat untuk mempelajari bahasa Belanda dan ilmu pengetahuan umum. Satu-satunya sekolah umum yang ada pada waktu itu hanyalah sekolah misionari milik Kristian. Ini pasti merugikan pendidikan Islam yang sudah ada pada ketika itu.<sup>94</sup>

Justeru, Muhammad Basiuni Imran mengadakan pertemuan dengan beberapa tokoh di Sambas seperti Dr. Syahrial dan Ali Emran, guru di *Holland Inlansche Schools* (HIS). Dalam pertemuan tersebut, mereka memutuskan agar Madrasah al-Sulthaniyah akan dikendalikan mengikut pola pembelajaran di sekolah umum Belanda namun tetap mempertahankan ciri pendidikan Islam.<sup>95</sup>

Sejak penubuhan sekolah Tarbiyatul Islam, pendidikan telah diperluaskan ke seluruh masyarakat Sambas. Sebelum tahun 1930, semasa penubuhan Madrasah al-Sulthaniyah, ia hanya berfungsi sebagai institusi pendidikan, kemudian berkembang sebagai wadah utama bagi melahirkan ulama. Sehingga tahun 1930-an, madrasah ini menjadi institusi pendidikan yang memberi autoriti bagi seseorang untuk menjadi pegawai agama di wilayah kerajaan Sambas.<sup>96</sup>

Sekolah Tarbiyatul Islam berbeza dengan Madrasah al-Sulthaniyah dari sudut tempoh pengajian. Dahulunya, madrasah al-Sulthaniyah yang menggunakan tahap kelas satu sampai lima tetapi tempoh ini telah dipanjangkan lagi selama tujuh tahun dalam kurikulum Tarbiyatul Islam. Hal ini kerana kurikulum sekolah yang semakin bertambah. Selain itu, sekolah Tarbiyatul Islam juga memperkenalkan sistem

<sup>91</sup> Machrus Effendy, *Riwayat Hidup dan Perjuangan*, 111.

<sup>92</sup> Erwin, “Inovasi Pendidikan Islam di Borneo,” 12.

<sup>93</sup> *Ibid.*

<sup>94</sup> Erwin, *Falsafah dan Gerakan Pendidikan Islam*, 80.

<sup>95</sup> *Ibid.*, 79.

<sup>96</sup> *Ibid.*

pentadbiran yang baharu seperti kehadiran ke kelas, penilaian dan pendaftaran serta ijazah sebagai tanda tamat belajar.<sup>97</sup>

Perubahan seterusnya yang berlaku dalam sekolah Tarbiyatul Islam adalah melibatkan tenaga pendidik yang lebih profesional dengan mendatangkan para guru dari luar daerah seperti dari Sumatera Barat terutama perguruan al-Tawalib dan Perguruan Shafii di Kayu Tanam. Ini bersesuaian dengan tujuan penubuhan Tarbiyatul Islam iaitu “membangun dan membantu sekolah-sekolah yang diberikan dasar-dasar pelajaran agama Islam dan ilmu-ilmu yang biasa diajarkan di sekolah-sekolah seperti HIS dan sebangsanya.”<sup>98</sup>

Bagi mencapai tujuan tersebut, tenaga pendidik yang berkelayakan dan berijazah mula dimasukkan ke Tarbiyatul Islam. Sebahagian besar tenaga pengajar yang dilantik adalah lulusan HIK (*Holland Inlandsche Kweekschool*) Bandung dan Yogyakarta dan sebahagian lagi dari Madrasah al-Junied Singapura. Polisi sekolah yang mengambil guru-guru dari luar Sambas bertujuan untuk memastikan guru-guru mempunyai kualiti tinggi agar mampu mencetuskan idea pembaharuan di sekolah dan juga masyarakat. Apatah lagi guru-guru dari Pulau Jawa dan Sumatera dipandang sebagai daerah yang paling maju keilmuan dan keagamaannya di Nusantara.<sup>99</sup>

Selain mengambil guru daripada institusi dari luar Sambas, guru-guru Tarbiyatul Islam juga terdiri daripada anggota parti politik dan aktivis pergerakan pada waktu itu. Sebagai contoh Mursyid Idris adalah anggota Partai Indonesia Raya (Parindra) Sambas dan Izzuddin Zubir adalah aktivis Persatuan Muslimin Indonesia (PERMI) serta Hamidi Abdurrahman yang aktif di Persatuan Bangsa Indonesia Sambas (PERBIS).<sup>100</sup>

Perubahan juga berlaku dalam aspek kurikulum apabila ilmu pengetahuan moden dimasukkan seperti ilmu sejarah, berhitung, ilmu alam, ilmu tumbuhan, ilmu haiwan, ilmu manusia, bahasa Belanda dan bahasa Indonesia, di samping ilmu-ilmu keislaman. Menurut Muhammad Basiuni Imran, ilmu pengetahuan umum adalah alat penting untuk mengejar kemajuan. Meskipun demikian, penguasaan ilmu-ilmu tersebut tidak menyebabkan seseorang tercabut dari akar keagamaannya. Hal ini kerana Muhammad Basiuni Imran menginginkan pendidikan yang berorientasikan pendidikan Belanda akan membuka jalan untuk memperoleh pendidikan setinggi-tingginya, namun asasnya tetap pada pendidikan Islam.<sup>101</sup>

Sekolah Tarbiyatul Islam masih wujud sehingga hari ini. Ia mempunyai dua cawangan di Pemangkat dan Singkawang. Boleh dikatakan bahawa tiga madrasah ini merupakan hasil pemikiran dan perjuangan Muhammad Basiuni Imran dalam bidang pendidikan untuk diwariskan kepada generasi berikutnya.<sup>102</sup>

## MAJLIS TASHWIR

Di samping pendidikan formal di sekolah, Muhammad Basiuni Imran melihat perlunya pendidikan luar sekolah melalui dakwah Islam. Beliau selalu terlibat mengadakan ceramah umum (*tashwir*) di Masjid Jami' Kampung Dalam Kaum yang diadakan sekitar jam 10 sehingga 11 pagi. Seperti gurunya Mu'hammad Rashid Ri'i, Muhammad

---

<sup>97</sup> *Ibid.*, 81.

<sup>98</sup> *Ibid.*

<sup>99</sup> *Ibid.*, 86.

<sup>100</sup> *Ibid.*, 90-91.

<sup>101</sup> *Falsafah dan Gerakan Pendidikan Islam*, 86.

<sup>102</sup> Erwin, “Inovasi Pendidikan Islam di Borneo.”, 12.

Basiuni Imran juga memberikan perhatian terhadap pendidikan untuk kaum wanita. Pengajian ini diadakan di rumah yang merupakan peninggalan ayahnya Muhammad Imran di Kampung Dagang Timur. Di rumah ini, Muhammad Basiuni Imran mengkhususkan bagi kaum wanita. Pengajaran dimulai dari pukul 7.00 sampai dengan pukul 10.00 pagi pada setiap Jumaat. Kini, rumah ini telah dijadikan Muzium Tamadun Islam Nagri Sambas oleh Pemerintah Kabupaten Sambas. Beliau juga mengadakan pengajian mingguan bagi masyarakat di sekitar ibu kota Kesultanan yang dipusatkan di Masjid Jami' Sambas.<sup>103</sup>

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, Muhammad Basiuni Imran berjaya melaksanakan pengisian dan pembaharuan dalam bidang pendidikan. Pembaharuan yang dilaksanakan adalah meliputi penubuhan institusi pendidikan formal yang menawarkan kurikulum bersepadu dalam aspek ilmu naqli dan aqli. Madrasah al-Sulthaniyah dan sekolah Tarbiyatul Islam adalah dua institusi yang menunjukkan sumbangan terbesar Muhammad Basiuni Imran untuk memberikan pendidikan berkualiti kepada masyarakat Islam di Sambas. Beliau juga mengemukakan pandangan berkaitan ciri-ciri yang perlu ada bagi seseorang pendidik seperti ikhlas, sabar, bijaksana dan menjauhi perdebatan serta berpengetahuan yang luas sama ada dalam bidang kepakaran maupun metodologi pengajaran dan pembelajaran.

Hasrat beliau untuk membawa kemajuan masyarakat Sambas melalui pendidikan dianggap berjaya apabila Sambas mendapat gelaran sebagai bumi "Serambi Mekah" yang merujuk kepada kerancakan aktiviti keilmuan di sana. Ketokohan beliau sebagai pemimpin umat Islam dalam urusan sosial dan keagamaan juga tidak dapat dinafikan sesiapa ketika itu. Buktinya, dengan pemergian Maharaja Imam Muhammad Basiuni Imran, tiada seorang pun ulama Sambas yang dapat menggantikan kedudukan dan fungsinya sebagai Maharaja Imam. Disebabkan itu, jabatan Maharaja Imam berakhir pada zaman kepimpinan Muhammad Basiuni Imran. Jelas di sini bahawa perjuangan Muhammad Basiuni Imran dalam menyebarkan pemikiran islah beliau bukan hanya ucapan semata-mata, malah beliau sendiri telah mengambil beberapa inisiatif bagi merealisasikan setiap idea yang beliau lontarkan. Muhammad Basiuni Imran mungkin tidak sepopular tokoh-tokoh islah yang lain di Alam Melayu, tetapi sumbangan beliau dalam meningkatkan syiar Islam dan pendidikan di Sambas, Kalimantan Barat Indonesia sangat besar. Oleh itu, kajian lanjutan berkaitan madrasah Tarbiyatul Islam yang masih ada sehingga ke hari ini boleh dijalankan untuk meneliti impak penubuhannya pada masa kini. Begitu juga kajian akan datang boleh meneroka pemikiran-pemikiran Muhammad Basiuni Imran yang lain sama ada dalam bidang pendidikan, politik dan agama

---

<sup>103</sup> *Ibid.*, 4..

## RUJUKAN

- Abushouk, Ahmed Ibrahim. 2006. *al-Athar al-Kamilah li Majallat al-Manar 'An Janub Syarqiy Asiya (1898-1935)*. al-Juz'u al-Thaniy. Kuala Lumpur: al-Jami'ah al-Islamiyyah al-'Alamiyyah bi Maliziyya.
- \_\_\_\_\_. 2006. *Al-Athar al-Kamilah li-Majallah al-Manar 'an Janub Sharq Asia (1898-1935M)*. al-Juz'u al-Awwal. Kuala Lumpur: al-Jami'ah al-Islamiyah al-'Alamiyah bi Maliziya.
- Abu Hanifah Haris. "Pemergian Pelajar Melayu Ke Mesir Dari Tahun 1910-an Hingga 1950-an: Cabaran Dan Implikasi." *Jurnal Al-Tamaddun*. Bil. 8 (1) (2013): 67-84.  
[http://eprints.um.edu.my/8681/1/Pemergian\\_Pelajar\\_Melayu\\_ke\\_Mesir\\_Dari\\_Tahun\\_1910-an\\_Hingga\\_1950-an\\_-\\_Cabaran\\_dan\\_Implikasi.pdf](http://eprints.um.edu.my/8681/1/Pemergian_Pelajar_Melayu_ke_Mesir_Dari_Tahun_1910-an_Hingga_1950-an_-_Cabaran_dan_Implikasi.pdf)
- al-Salman, Mu'hammad Bin 'Abd Allah. 1988. *Rashid Rida wa Da'wah al-Shaykh Mu'hammad Bin Abd al-Wahhab*. Kuwait: Maktabah al-Ma'alé.
- Badran Hambi. "Mengenal: H.M Basiuni Imran Maharaja Imam Sambas." (Makalah Koleksi Peribadi) 28 Oktober 1967.
- Didik M Nur Haris. "Jaringan Intelektual Islam Kalimantan Barat Abad Ke-20; Sebuah Analisis Sejarah.". Diakses pada 5 Januari 2018, <http://idr.uin-antasari.ac.id>
- Erwin Mahrus (Pensyarah di Institut Agama Islam Negeri Pontianak), Temu bual dengan pengkaji, Sambas, Kalimantan Barat, 9 Mei 2017.
- Erwin Mahrus, Rosadi Jamani dan Edy Kusnan Hadi. *Syekh Ahmad Khatib Sambas (1803-1875)*. Pontianak: Untan Press, 2013.
- Erwin Mahrus. 2007. *Falsafah dan Gerakan Pendidikan Islam Maharaja Imam Sambas Muhammad Basiuni Imran (1885-1976)*. Pontianak: STAIN Pontianak Press.
- Erwin Mahrus. 2017. Inovasi Pendidikan Islam Di Borneo: Gerakan Pembaruan Pendidikan Islam Maharaja Imam Sambas, H. Muhammad Basiuni Imran (1885-1976). Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Ulama Nusantara, Institut Agama Islam Sultan Muhammad Safiuddin Sambas, Mei 10, 2017.
- Machrus Effendy. *Riwayat Hidup dan Perjuangan Maharaja Imam Sambas*. Jakarta: Dian Kemilau, 1995.
- Mario Inirgo Oki Menes Belo. "Islam di Kesultanan Sambas Kalimantan Barat." Tesis Sarjana, Universitas Sanata Dharma Yogyakarta, 2016.
- Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin et al. "Pengaruh Islam Dalam Perkembangan Intelektual Di Alam Melayu, Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS) 25, No. 1 (2014): 102-116.
- Mohammad Redzuan Othman *Islam dan Masyarakat Melayu Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005.
- Mona Abaza. 1993. *Changing Images of Three Generations of Azharites in Indonesia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Muhammad Iwan Abdi. 2012. Dakwah Islam Moderat Perspektif Haji Agus Salim." *Jurnal Komunikasi dan Sosial Keagamaan*. Vol: XV, No. 1. (55-70).
- Muhammad Rahmatullah. 2003. *Pemikiran Fikih Maharaja Imam Kerajaan Sambas Basiuni Imran (1885-1976)*. Pontianak: Bulan Sabit Press.
- Othman, Zuraidah. "Pembentukan Ilmuwan Beradab Melalui Penerapan Konsep Ta'dib Dalam Pendidikan: Suatu Analisis." *Journal of Al-Tamaddun* 8, no. 2 (2013): 27-35.
- Pijper, G.F. *Beberapa Studi tentang Sejarah Islam di Indonesia 1900-1950*. Diterjemahkan oleh Tudjimah dan Yessy Augusdin. Jakarta: UI Press, 1984.

- Statuten en Huishoudeljik Reglement Perkoempoelan Tarbiatoel Islam, Pontianak: Boekhandel & Drukkerij Phin Min, 1936.
- Sunandar. "Peran Maharaja Imam Muhammad Basiuni Imran dalam Kehidupan Sosial Keagamaan Masyarakat Kerajaan al-Watzikhoebillah Sambas 1913-1976." Tesis Pascasarjana, UIN Sunan Kalijaga, 2012.
- Syamsiah, Nur. "History Of Muhammad Basiuni Imran As Head Of Sharī'ah Court Office In The Implementation Of Islamic Law In Sambas 1951-1955 West Kalimantan." *Jurnal Syariah* 30, no. 2 (2022): 175-205.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. "Muhammad Jabir as-Sambasi Khatib Sidana Kerajaan Sambas." 12 November 2006. Diakses pada 1 Januari 2018, <http://ulama-nusantara.blogspot.my>